



5 Februari 2016
5 February 2016
P.U. (A) 35

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PENEPIAN FI KEPADA PELATIH DI PUSAT BERTAULIAH) 2016

NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT (WAIVER OF FEE TO TRAINEE AT ACCREDITED CENTRE) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN
(PENEPIAN FI KEPADA PELATIH DI PUSAT BERTAULIAH) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(d) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Penepian Fi kepada Pelatih di Pusat Bertauliah) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 November 2015.

Penepian fi

2. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), fi yang ditetapkan dalam butiran 3(a)(i) Jadual kepada Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2006 [P.U. (A) 409/2006] diketepikan berkenaan dengan seseorang pelatih yang memohon bagi pengiktirafan kemahiran yang membawa kepada anugerah Sijil Kemahiran Malaysia melalui pusat bertauliah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual.

(2) Penepian fi di bawah subperaturan (1) terpakai bagi permohonan pengiktirafan kemahiran yang dibuat dalam tempoh dua tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

Pembayaran balik fi

3. (1) Pelatih yang disebut dalam peraturan 2 yang telah membayar fi yang ditetapkan dalam butiran 3(a)(i) Jadual kepada Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2006 boleh memohon kepada Ketua Pengarah bagi pembayaran balik fi itu.